

06/03/2001

Hayati korban: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengajak umat Islam bersatu dan meningkatkan martabat agama sebagai bukti keinsafan selaras dengan pengajaran daripada ibadah korban.

Perdana Menteri berkata, ketika jemaah Haji sibuk menyempurnakan rukun Islam kelima di tanah suci, umat Islam lain pula hendaklah bersama-sama menyempurnakan tugas dan tanggungjawab sebagai umat yang patuh kepada ajaran Allah dengan merapatkan barisan dan mengikat hubungan silatulahim.

"Ketepikan perbezaan fahaman politik antara kita, korbankan kepentingan diri kita, buktikan keinsafan kita dengan bersatu dan meningkatkan martabat agama kita, dan memupuk hubungan baik dengan rakan-rakan kita daripada keturunan dan agama lain," katanya dalam perutusan sempena Aidiladha yang disambut umat Islam negara ini, esok.

Dr Mahathir berkata, melalui ibadah korban, Islam mengajar umatnya menjadi masyarakat prihatin, penyayang dan saling bantu membantu tanpa mengira bangsa, warna kulit atau fahaman politik.

"Korban juga membawa makna yang lebih daripada itu. Islam menyeru umatnya supaya sentiasa bersatu padu dan mengelakkan perpecahan agar nasib umat Islam sentiasa terbela dan martabat agama itu sendiri terus terpelihara.

"Kita harus menyetepikan segala kepentingan diri bagi kebaikan masyarakat kita. Kita dapat lihat bagaimana perpecahan umat Islam di dunia hari ini menyebabkan kita lemah dan mudah ditekan.

"Umat Islam semakin ditindas. Kebanyakan negara Islam tidak maju, mundur dan miskin, yang mana ini menyebabkan kita sukar untuk membela saudara seagama kita daripada penganiayaan musuh-musuh Islam.

"Alhamdulillah di Malaysia umat Islam masih dihormati. Walaupun negara kita mempunyai kaum minoriti bukan Islam yang besar, mereka sanggup menerima pemerintahan yang diterajui orang Islam berdasarkan perkongsian pentadbiran," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam di negara ini dihormati bukan kerana menjadi penduduk majoriti, tetapi disebabkan mereka progresif, berdisiplin, cekap dan berpengetahuan tinggi.

Malah, katanya, umat Islam di negara ini dapat melakukan ibadah dalam keadaan aman dan sempurna kerana bukan saja bebas daripada sebarang tekanan, tetapi negara turut bebas daripada sebarang malapetaka dan bala bencana.

"Inilah nikmat yang Allah anugerahkan kepada kita, yang mungkin tidak dapat dirasai masyarakat Islam di tempat lain. Oleh itu, janganlah kita lupa untuk bersyukur kepadaNya," katanya.

Beliau berkata, seperti biasa sempena Aidiladha umat Islam akan menyempurnakan ibadah korban dengan melakukan penyembelihan ke atas binatang seperti lembu, kambing dan sebagainya agar dagingnya dapat diagihkan kepada golongan fakir dan miskin.

Selain penyembelihan, katanya, ada banyak lagi pengajaran korban di dalam Islam, termasuk mengeluarkan zakat ke atas harta dan pendapatan bagi yang mampu mengikut kiraan tertentu supaya kekayaan itu turut dapat dimanfaatkan orang miskin.

"Kesanggupan berkorban harta kekayaan bagi membantu yang daif adalah kebajikan yang diseru oleh Islam. Begitulah indahnya agama Islam. Ia mengajar kita mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah dan berkorban untuk membantu yang miskin dan menginsafi nasib mereka yang lebih daif dengan

melakukan kebajikan agar yang miskin tidak terpinggir," katanya.
(END)